

PARADIGMA WASATIYYAH DAN DIALOG PERADABAN : SATU ANALISIS

Rahimin Affandi Abd. Rahim & Mohd Kamil Abdul Majid

Pengenalan

Kajian ini akan cuba menggunakan paradigma wasatiyyah bagi menilai sikap penganut Islam semasa terhadap disiplin dialog peradaban. Secara mudahnya, paradigma adalah satu set proposisi (rancangan usulan) yang menerangkan bagaimana dunia harus difahami. Ia berisikan sebuah pandangan dunia (world-view), suatu cara untuk memecahkan permasalahan kehidupan dunia, yang memberitahu seseorang ilmuan tentang apa yang penting, apa yang sah dan apa yang bersesuaian dengan logik.¹ Dalam konteks ini, prinsip wasatiyyah Islam akan dijadikan sebagai paradigma utama bagi menilai fokus kajian yang membabitkan isu dialog peradaban. Ianya bakal menumpukan perhatian terhadap sikap dan kecenderungan penganut Islam dalam isu kewujudan dan penilaian tamadun lain, khususnya tamadun barat. Hal ini boleh dikatakan sebagai agak penting sekali, kerana prinsip wasatiyyah ini sering dilupakan, dan pemakaianya terhad kepada aspek pemahaman Islam semata-mata tanpa dilanjutkan kepada aspek aplikasi. Aspek aplikasi ini akan cuba menganalisis sikap penganut Islam berasaskan kepada prinsip wasatiyyah ini. Maklumat lanjut tentang sikap penganut Islam dalam isu dialog peradaban akan diperolehi melalui pemakaian kaedah content analysis (analisis kandungan)² terhadap kesemua karya yang dihasilkan oleh golongan yang terbabit.

Konsep Wasatiyyah Dalam Islam

Dari segi bahasanya, wasatiyah ini membawa maksud seimbang dan pertengahan. Manakala dari segi istilah, bermaksud berada di tempat

yang sesuai di antara dua situasi yang bertentangan, selalu mengambil jalan tengah dalam berhadapan dengan apa-apa yang berlaku dalam kehidupan. Asas sandaran wasatiyyah ini di dalam Islam diperolehi pemahamannya daripada sumber Quran dan Sunnah. Dalam al-Quran terdapat dua penegasan Allah yang memuji keistimewaan umat Islam yang mengamalkan sifat adil dan wasatiyyah ini. Secara induktifnya, sifat-sifat ini perlu difahami dan diamalkan sepenuhnya oleh penganut Islam. Dalam surah al-Baqarah: ayat 143, kita dapat memetik sifat keistimewaan ini sebagai;

- 1) Umat yang mengamalkan sikap pertengahan, tidak seperti bangsa Yahudi yang mengambil pendekatan yang keras dan bangsa Nasrani yang mengambil pendekatan terlalu pasif dan lembut dalam segenap perkara.
- 2) Nisbah pertengahan yang membezakannya dengan golongan etis (tidak percayakan tuhan) dan golongan polyties (percaya kepada tuhan yang banyak)
- 3) Nisbah pertengahan yang menyebabkan mereka mampu bertindak adil sehingga boleh menjadi saksi dan hakim bagi mengadili kedudukan umat yang lain.
- 4) Umat yang tidak mengamalkan pendekatan Ifrat yang bermaksud melampau ketat, keras, ekstrem, *tasyaddud*. Sementara tafrit pula terlalu longgar, terlampau mengambil mudah, cuai, *taqsim*, dan *tasahul*.

Dalam surah Ma'idah: 66, kita dapat memetik beberapa perkara yang sama, iaitu;

- 1) Umat yang sentiasa mengikuti jalan tengah di antara dua ekstrim yang wujud.
- 2) Umat yang sentiasa mengikuti jalan lurus dan tengah, walaupun jumlahnya kecil.
- 3) Umat yang sentiasa mempunyai daya tahan iman yang tinggi dan mengamalkan sifat Istiqamah di dalam menjalankan tugas Amar Makruf Nahi Mungkar.

Secara tersiratnya, dalam kedua-dua ayat al-Quran di atas, Allah menisbahkan umat Islam sejak zaman Rasulullah sehingga pada zaman sekarang dengan nisbah umat yang terbaik, kerana salah satu faktornya adalah mereka (umat Islam) mengamalkan sifat wasatiyyah (pertengahan) berbanding dengan bangsa Yahudi (terlalu keras) dan Nasrani (terlalu lembut). Namun begitu, pujian Allah ini bukanlah bersifat mutlak dan kekal, tetapi ianya bergantung kepada kesediaan umat Islam itu sendiri untuk ; **pertama**, menjauhi tabiat yang cuai, lalai dan seimbang dalam melakukan tanggungjawab Taklif. **Kedua**, ianya perlu disertakan dengan semangat dan istiqamah yang tinggi di dalam menjalankan tugas Amar Makruf Nahi Mungkar.³ Sebagai contohnya, kita boleh meneliti kesilapan yang dilakukan oleh bangsa Yahudi yang mengatakan mereka sebagai umat pilihan tuhan, suatu bentuk keistimewaan yang bersifat kekal. Sedangkan mereka sendiri mengetahui bahawa selepas Allah memuji bangsa Yahudi, mereka masih lagi mengamalkan tabiat buruk yang melampaui batasan kemanusian yang dilarang keras oleh Allah.⁴ Anti tesis ataupun lawan kepada sifat wasatiyyah ini adalah sifat tafrit (melampaui batas) samada terlalu keras atau lembut, rajin atau malas dalam melakukan sesuatu pemahaman dan tindakan. Ianya didorong oleh ketiadaan ilmu yang benar (konsep kehilangan adab) dan terlalu mengikut dorongan nafsu dalam melakukan sesuatu perkara.

1. Wasatiyyah Sebagai Asas Pemahaman dan penghayatan Islam

Sifat sukakan pendekatan wasatiyyah ini boleh dikatakan sebagai suatu fitrah anugerah tuhan yang dimasukkan dalam diri setiap manusia sejak ia dilahirkan ke dunia. Perasan sukakan wasatiyah ini bukan timbul kerana faktor sosiologi masyarakat (pengaruh keluarga, pendidikan dan pengaruh pengaulan dalam masyarakat). Ianya adalah sifat yang tertanam dalam diri manusia yang perlu dihidupkan dengan cara mempelajari ilmu secara meluas, disamping melakukan perenungan yang mendalam (philosophy) dengan pengalaman kehidupan yang dialami oleh setiap manusia.

Kita boleh mengemukakan suatu contoh tentang elemen fitrah yang dimaksudkan ini, dengan merujuk kepada fitrah percayakan tuhan, yang berkuasa mencipta, menguasai dan menjaga semua perjalanan hidup setiap makhluk dan alam ini. Terdapat ramai daripada saintis barat yang mengkaji kejadian alam (manusia, alam flora dan haiwan), menjadi

kagum dengan sifat keseimbangan yang dimiliki oleh setiap kejadian ini. Fitrah percayakan tuhan (*Godspot*) yang memang wujud dalam diri mereka menjadi tersentuh sehingga mempercayai semua kejadian ini memerlukan kuasa agung (tuhan) yang mengerakkannya. Hal ini kemudiannya telah menyebabkan terbukanya pintu hidayah kepada mereka yang telah memeluk Islam. Hal ini telah berlaku kepada Maurice Bucaille, Maryam Jamellah, Martins Lingg, William Chitick, Sachiko Murata, Muhammad Asad- yang telah tertarik dan memeluk agama Islam kerana sifat keseimbangan ajaran Islam yang terkandung di dalam pelbagai manuskrip milik sarjana Islam yang dikaji oleh mereka. Sifat tertarik dengan karya sarjana Islam silam kemudiannya telah menjadi semakin kuat apabila mereka membaca Quran secara langsung.

Kita boleh mengemukakan beberapa neraca dan syarat prinsip wasatiyyah yang telah disusun oleh sarjana Islam. Ianya terdiri daripada; **Pertama**, perlu mengambil sikap pertengahan apabila berhadapan dengan dua ekstrim ataupun kedudukan dalam setiap perkara. Dua ekstrim yang bertentangan ini seperti payah-mudah, hitam-puteh, literal-maksud dan sebagainya. Contohnya, walaupun penganut Islam dibenarkan untuk mencari, memiliki dan membelanjakan harta tetapi tidak dibolehkan untuk boros berbelanja dan mementingkan barang mewah. Sebaliknya penganut Islam perlu mengamalkan sikap sederhana, berjimat cermat dan lebih mengutamakan barang bersifat daruriyah. (Keperluan asas)

Kedua, perlu didasarkan kepada ilmu yang benar (mencapai taraf Haq Yaqin) dan bukannya bersifat agakan semata-mata. Antara sumber ilmu yang ditetapkan oleh sarjana Islam adalah Quran,sunnah dan kupasan sarjana Islam silam. Contoh terbaik boleh dilihat daripada sikap Islam amat memusuhi sifat jahil, yang perlu dihapuskan dengan cara belajar dan seteruskannya perlu mengamalkannya, dan seandainya mampu ianya perlu disebarluaskan kepada orang lain. Sifat bebalism yang melampau (anti wasatiyyah) wajib dijauhi sama sekali dan ianya telah dianggap sebagai hukuman Allah terhadap tabiat seseorang itu yang enggan belajar. Sifat bebalism ini merujuk kepada *sifat rohani yang lemah dan degil, yang tidak mahu berubah walaupun diberikan maklumat yang betul*, amat dikeji oleh Islam. Sifat ini biasa berlaku kepada seseorang yang terlalu fanatic kepada seseorang ketua dan kumpulan, sehingga sanggup menolak secara membuta tuli terhadap pandangan orang lain.⁵

Ketiga, berpandukan sifat adil dan warak. Kedua-dua sifat ini amat perlu dipandu dengan konsep ilmu yang benar. Adil adalah sifat yang paling mulia, bermaksud meletakkan sesuatu pada tempat dan hirakinya yang sepatutnya berasaskan kepada lunas-lunas agama dan hikmah (pengalaman hidup yang bersih). Sifat warak pula adalah sifat berhati-hati dalam menjalani kehidupan dan mengelakkan diri daripada terjebak dengan dosa (besar dan kecil) dan nafsu yang melampau. Terdapat beberapa contoh yang boleh diberikan;

- Sifat marah dan cemburu diperlukan dalam kehidupan manusia untuk menjaga maruah daripada dicabuli, tetapi penggunaannya yang melampau akan menyebabkan kemasuhan dan menjemput pelbagai penyakit kepada diri manusia. Tanpa kedua sifat marah dan cemburu ini yang seimbang, seseorang itu akan menjadi penakut, dayus dan tidak tahu menjaga maruah diri.
- Seni dalam pelbagai bentuknya (seni sastera, persembahan dan dampak) adalah fitrah dalam diri manusia. Tanpa seni hidup manusia akan menjadi lesu, kering dan tiada keceriaan, yang menyebabkan Islam mengharuskan sesuatu aktiviti seni. Sebarang tindakan yang mengharamkan aktiviti seni hanya akan menzalimi diri sendiri kerana tindakan ini seolah-olah menafikan fitrah anugerah tuhan yang berguna, kerana seni adalah makanan jiwa, perasaan dan emosi. Begitu juga penggunaan seni yang melampau sehingga melanggar batas agama dan bersifat cabul tidak dibenarkan oleh Islam.⁶
- Islam memberikan penjelasan yang komprehensif tentang persoalan emosi yang dimiliki oleh setiap manusia yang bakal menjadikan manusia samada sebagai punca kepada kesejahteraan kehidupan ataupun sebagai punca kesengsaraan kepada seluruh makhluk di dunia.⁷ Mengikut penjelasan al-Quran, di antara emosi utama yang dimiliki oleh manusia adalah emosi takut,⁸ marah,⁹ cinta,¹⁰ gembira,¹¹ benci,¹² cemburu,¹³ dengki,¹⁴ sedih,¹⁵ menyesal,¹⁶ malu,¹⁷ hina,¹⁸ takbur¹⁹ dan sompong.²⁰ Sebagai lanjutan dari keterangan ini, Islam juga mempunyai pelbagai formula khusus untuk mengendalikan kesemua emosi tersebut, yang terkandung di dalam ilmu tassawuf Islam.²¹ Dalam hal ini, al-Quran mendariskan pelbagai pedoman untuk mengendalikan emosi manusia.

- Tindakan penternak lembu di Britain yang mahukan keuntungan segera yang memaksa lembu ternakan mereka memakan tulang dan daging babi serta kambing, telah menyebabkan lembu tersebut terkena penyakit lembu gila yang boleh menjangkiti manusia seandainya memakan daging dan susu lembu terbabit. Begitu juga amalan free-sex wanita di Barat yang hanya mau melakukan hubungan jenis tetapi tidak mahu mengandung serta melahirkan anak, telah menyebabkan mereka terkena barah rahim yang agak meluas sekali.

Kelima, ianya tidak disertakan dengan nisbah yang melampaui batas, yang boleh diperincikan sebagai;²⁴

- 1) *Extremisme*; melampaui batas dan keseimbangan apabila mentafsir dan melaksanakan sesuatu peraturan ataupun hukum secara ekstrem.
 - 2) *Chauvinisme*; taksub apabila menganggap fikiran atau kumpulan sendiri adalah yang terbaik, manakala fikiran atau kumpulan lain tidak benar dan mesti ditolak.
 - 3) *Fanaticisme*; tindakan membuat tuli (menghampiri psikosis) dalam mengikuti dan melaksanakan sesuatu cara, pendapat dan pendekatan sendiri tanpa mempedulikan bahkan menolak sekeras-kerasnya pendapat orang lain. Antara contoh yang boleh diberikan untuk menunjukkan akibat buruk daripada tindakan ini;
- Kes Pengeboman Bali. Dalam perbicaraan kes tersebut yang dibuat di mahkamah Indonesia yang turut dihadiri oleh keluarga mangsa, tertuduh utama yang bernama Amrozi telah tersenyum sinis dan mengatakan perkataan “*go to hell with you infidel*” kepada semua keluarga mangsa korban yang berada di dalam mahkamah tersebut. Pihak media barat yang turut serta membuat liputan di dalam perbicaraan tersebut telah mengambil kesempatan menjadikannya sebagai isu utama yang menonjolkan bahawa Islam memang mengajar penganutnya bersikap zalim dan biadap terhadap golongan bukan Islam.
 - Peristiwa 11 September yang memusnahkan WTC dan Pentagon telah menyebabkan kuasa barat yang dipimpin oleh Amerika Syarikat melakukan pencerobohan terhadap dua Negara umat Islam, Afghanistan dan Iraq.

- Amalan melampau ini juga telah bertanggungjawab menyebabkan perpecahan dan pertumpahan darah sesama umat Islam yang cukup dashyat sekali. Contohnya boleh dilihat daripada peritiswa kematian Imam Shafi'I yang dipukul oleh pengikut fanatic mazhab Maliki akibat perbezaan pendapat antara keduanya dalam satu isu furu'iyyah yang kecil sahaja. Begitu juga halnya, dengan pergaduhan antara pengikut mazhab Sunni dan Syiah di dalam isu-isu biasa yang sepatutnya boleh diselesaikan melalui perbincangan ilmiah.²⁵

Keenam, perlu berasaskan kepada prinsip Al-Aslahah wa Muasarah (mengekalkan warisan turath silam dan mengambilkira elemen pemodenan). Dalam soal ini, umat Islam perlu menjaga warisan tradisi yang berupakan formula susunan sarjana Islam silam dan berusaha membangunkan tamadun terkini berasaskan adunan intipati tradisi ini dengan elemen pemodenan. Contoh terbaik yang boleh diberikan adalah kajian ilmiah di peringkat pasca siswazah APIUM yang mengkaji status rawatan kumbahan air yang diamalkan oleh Indah Water Konsortium. Dalam kajian ini, Nadzirah Ismail telah menggunakan prinsip Al-Aslahah wa Muasarah, apabila meneliti pandangan fuqaha silam yang berkaitan dengan status dan bahan yang menyucikan air yang dikaitkan pula dengan kaedah teknologi rawatan kumbahan air yang terkini. Hasilnya, beliau mendapati status air kumbahan yang dirawat ini benar-benar bersih dan bertaraf air mutlaq, yang boleh digunakan untuk keperluan seharian oleh kalangan pengguna Islam.

Kita dapat mempertahankan sifat kesyumulan (komprehensif) ajaran Islam, dengan cara merujuk kepada formula Islam tentang bagaimana prinsip wasatiyyah dapat dijalankan dalam kehidupan. Dalam formula ini setiap perlakuan hidup pengikut Islam perlu didasarkan kepada pemahaman mereka terhadap beberapa prinsip yang utama; Islam sebagai agama Tauhid, Rationalistic, world affirmative (dunia sebagai tempat berguna), societal (memngamalkan sifat kepedulian sosial) dan terpenting sekali agama yang mementingkan pengamalan budaya ilmu.²⁶

2. Wasatiyyah Sebagai Asas Kajian Keilmuan Islam.

Dalam dunia akademik, prinsip wasatiyyah ini boleh digunakan sebagai salah satu alat untuk menilai, menganalisa dan menerima

sesuatu pandangan yang dikemukakan oleh pihak lain, tanpa terpengaruh dengan kecenderungan si penilai itu sendiri (*Pre Conceived Idea*) Dalam amalan keilmuan Islam, sesuatu khabar, riwayat, teori, pandangan, formula dan apa-apa dapatkan kajian yang dilahirkan perlu dinilai secara kritikal, futuristic, berpandangan jauh dan terpenting sekali perlu mengambilkira prinsip wasatiyyah ini. Ianya boleh dikatakan sebagai suatu tindakan adil (bertindak sebagai orang tengah) dalam menilai sesuatu perkara. Melalui pemakaian prinsip ini, sesuatu pandangan yang diteliti perlu mengambilkira beberapa perkara penting;

- 1) mengambil sikap selektif (tidak menerima dan menolak secara melulu), yang menuntut ianya dilihat secara holistic (menyeluruh).²⁷
- 2) memastikan ketepatan sesuatu berita atau teori itu didapati daripada sumber yang tepat dan betul, seperti mana penegasan Allah agar kita mengamalkan sikap berhati-hati terhadap berita yang dibawa oleh orang Fasiq, kerana ianya akan membawa fitnah yang bakal merosakkan kehidupan. Untuk tujuan pengesahan, ianya perlu dinilai dan dikritik secara luaran dan dalaman. Kritikan luaran bertujuan untuk mementukan ketulenan dan keaslian sesuatu sumbert tersebut. (kajian sanad)²⁸ Manakala kritikan dalaman pula bertujuan untuk memastikan kemunasabahan dan kewarasannya isi kandungan sesuatu sumber itu dinilai dari perspektif Islam.(kajian matan).²⁹
- 3) melihat keserasian sesuatu hujah yang dipakai dengan pandangan sumber yang berautoriti, samada ianya daripada nas Wahyu (Quran dan Sunnah), fakta sejarah ataupun teori serta aksioma pemikiran yang telah diterima ramai (seperti terkandung dalam konsep ijma dan tawattur).³⁰
- 4) Tidak boleh menyalahi dengan apa yang telah ditetapkan secara Qat'I oleh sumber Quran dan sunnah, manakala sesuatu warisan silam yang dihasilkan melalui pemikiran manusia berdasarkan kepada sumber akalnya sendiri baik dari segi pentafsirannya terhadap nas ataupun responnya terhadap situasi sosial yang timbul di zamannya-perlu dinilai secara kritikal, kerana ianya masih bertaraf zanni, yang perlu sentiasa diulangkaji dan diperlengkapkan oleh setiap sarjana di setiap zaman.³¹

- 5) perlu menolak pendekatan kajian dan penilaian Islam yang bersifat legal formalistik. (hitam ataupun putih) yang akan menghasilkan kajian yang bersifat kaku dan cenderung kepada tindakan menghukum dan bukannya bersifat konstruktif bagi tujuan dakwah mendidik golongan sasaran kajian, anggota masyarakat. Sebaiknya, sarjana Islam perlu memikirkan untuk menggunakan pendekatan kajian yang lebih terbuka dan holistic (menyeluruh) dalam proses penilaian sesuatu objek kajian,³² apatah lagi seandainya ia membabitkan kajian terhadap isu manusia. Sesuatu kajian yang membabitkan isu kemanusiaan perlu mengambilkira beberapa pendekatan,³³
- *Mechanism*; pendekatan yang lebih terbuka berbanding pendekatan legal formalistic (Formism), yang memberikan penekanan kepada sifat pokok sesuatu mekanisme iaitu soal kontinuiti dan mekanis. Menurut paradigma ini semua gejala kehidupan adalah bersifat bersinambungan dalam proses mekanis yang terus bergerak. Ianya paling disesuai diterapkan dalam kerangka kajian yang membabitkan elemen kemasyarakatan, memandangkan masyarakat manusia bukannya static dan selalu berubah, samada ke arah yang lebih baik ataupun sebaliknya.
 - *Organism* ; seluruh reality kehidupan pada dasarnya berjalan secara harmonis, integrated, penuh perkaitan antara factor dalaman dan luaran serta penuh dengan kepastian. Atas dasar ini, kaedah terbaik untuk memahami reality kehidupan manusia perlu mengabungkan kesemua bentuk disiplin keilmuan, seperti sejarah, sosiologi, ekonomi dan sebagainya.
 - *Pragmatism* ; semua fenomena kemanusiaan yang dikaji adalah bersifat kontekstual, tidak ada satupun dalam kehidupan ini yang tidak berkait dengan konteks dan kondisinya yang bersifat khusus. Atas dasar ini, kajian terhadap elemen manusia akan menjadi lebih mendalam sekiranya dilihat kepada aspek konstektual sesuatu objek yang dikaji.

Sikap Penganut Islam Terhadap Dialog Peradaban : Analisis Berdasarkan Paradigma Wasatiyyah

Secara kasarnya, di kalangan penganut Islam terdapat dua pendekatan utama yang biasa dipakai dalam menghadapi isu dialog peradaban ini. Ianya terdiri dari;

1. Golongan Liberalis-Sekularis

Golongan ini memang wujud samada dalam bentuk orang perseorangan yang bertaraf sarjana dan pelbagai NGO yang menggunakan topeng Islam untuk nama mereka. Golongan ini terpengaruh sepenuhnya dengan ketinggian tamadun barat sehingga tidak menyedari agenda indoktrinasi fahaman sekularisme yang memang dijalankan oleh pihak barat bagi mengekalkan dominasi barat terhadap masyarakat dunia. Pihak barat sering menganggap Islam sebagai satu-satunya *Evil Empire* yang bakal menghancurkan dominasi tamadun barat moden. Kesemua golongan liberalis ini daripada Timur Tengah, Malaysia dan Indonesia , walaupun berbeza nama tetapi memang ada persamaan idealism yang dipegang oleh mereka dengan semangat fahaman liberalism sekularisme barat. Elemen yang dimaksudkan adalah;

- 1) bersikap anti kepada amalan tradisi Islam silam, yang dianggap sebagai penyebab kemunduran pemikiran umat Islam. Jika digunakan pendekatan futuristic, kita akan mendapati bahawa walaupun kadar penolakan terhadap tradisi Islam silam ini tidaklah sampai kepada nisbah penolakan secara total seperti mana diamalkan oleh masyarakat barat, tetapi lama kelamaan ia pasti akan membawa padah yang seperti mana diamalkan oleh dunia barat.
- 2) penolakan kepada semua elemen tradisi menyebabkan meteka bergantung sepenuhnya kepada penggunaan akal yang agak bebas, seperti mana diamalkan oleh sarjana barat. Implikasi lainnya, mereka telah menerima kesemua teori dan kaedah penganalisaan positivisme barat. Contohnya, pendekatan dekonstruksi barat telah digunakan untuk mempertikaikan sifat kemukjizatan Quran, Sunnah dan ijmak. Apa yang paling menyediakan lagi, tindakan mereka ini sebenarnya hanya

meneruskan semua usaha yang telah diasaskan oleh sarjana orientalis barat yang memang memusuhi ajaran Islam, dan berusaha untuk membuktikan sifat kerelatifan agama Islam itu sendiri seperti mana ianya berjaya dilakukan sebelumnya kepada agama Kristian.³⁴

- 3) Berusaha menisbahkan pelbagai gelaran negative terhadap ajaran dan penganut Islam yang taat. Setakat yang dapat diamati, golongan liberalis di Malaysia telah terpengaruh secara langsung dengan idea yang dibawa orientalism Barat, apabila memberikan kupasan yang stereotype terhadap gerakan Islam moden di seluruh dunia;
 - menonjolkan gerakan Islam moden sebagai golongan penganas yang hauskan darah masyarakat bukan Islam. Hal ini berlaku disebabkan antara lainnya kerana faktor agama Islam itu sendiri yang mengalakkan penganutnya bertindak ganas terhadap golongan bukan Islam.
 - Menonjolkan gerakan Islam sebagai penentang terhadap segala elemen yang datang dari dunia Barat, seperti idea pemodenan, Hak asasi manusia, sistem demokrasi dan sebagainya.
 - Menisbahkan tokoh Islam seperti para sahabat, Tabi'in dan ulamak zaman moden dengan pelbagai nisbah yang amat buruk sekali. Contohnya, mereka menggelarkan ulamak sebagai : *keldai bodoh, golongan tertutup minda, golongan yang gilakan kuasa autoriti bagi menafsirkan Islam, kuat nafsu, lemah otak kerana kekurangan bekalan oksigen sebagai akibat sering memakai serban, opportunis, sukakan keganasan, menentang elemen pemodenan dan banyak lagi.*
- 4) Bergantong dan menggunakan dana yang disumbangkan oleh pemberi dana daripada barat, kononnya untuk tujuan mempromosikan konsep HAM dan pemodenan yang lebih jitu kepada masyarakat dunia. Bagi gologan liberalis di Indonesia dan Malaysia, dana kemanusiaan ini telah dipergunakan sepenuhnya sehingga kelihatannya sering dijadikan sebagai sumber pendapatan tambahan untuk tujuan kemewahan.
- 5) Proses pembaharuan bagi memperbaiki kelemahan umat Islam perlu menggunakan pendekatan *reform* ala Barat, yang menolak semua asas dan pemahaman Islam silam, dan sebagai gantinya umat Islam

perlu bergantung kepada pendekatan baru seperti mana di kemukakan oleh dunia Barat.

Analisis Wasatiyyah

Terdapat beberapa kelemahan yang dipegang oleh golongan liberalis melampau ini, antaranya;

- 1) Terpengaruh sepenuhnya dengan tamadun barat sehingga sanggup berpegang kepada world-view sekularisme (aspek ontologi, epistemologi dan aksiologi) yang bersifat anti agama.
- 2) Tidak mendokong usaha dan semangat asas yang ditekan oleh disiplin dialog peradaban,³⁵ tetapi lebih bersifat meniru semua elemen yang wujud dalam masyarakat barat. Ringkasnya, mereka tidak mengamalkan sikap selektif dengan apa-apa idealism yang dibawa oleh pihak barat.
- 3) Tidak mempedulikan soal latar belakang sejarah social di dalam tuntutan mewujudkan idealism liberalism di dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Mereka berusaha keras mendokong agenda liberalisme (kebebasan dan hak asasi manusia) dalam setiap perlakuan dan pemikiran manusia. Dalam soal ini, pelbagai syiar dan autoriti Islam dipersoalkan, kerana kesemua autoriti Islam ini dilihat bertanggungjawab menghalang agenda liberalisme ini. Sebagai contohnya, terdapat NGO Islam di Malaysia yang bergiat cergas menimbulkan beberapa isu;
 - Tuntutan IFC (*Inter Faith Council*) agar pihak kerajaan menyamatarafkan semua pemeluk agama di Malaysia tanpa mengiranya Islam ataupun bukan Islam.
 - Isu yang mencabar dominasi dan keistimewaan hak bumiputera Melayu-Islam – kononnya bertentangan dengan nisbah persamaan hak asasi semua warganegara bukan Islam di Malaysia. Isu yang mencabar konsep jati diri (*malayness*) Melayu yang sinonim dengan pengikut Islam. Sebaliknya isu jati diri Melayu cuba ditolak dengan cara bertolak ansur dan mendokong peluang untuk seseorang Melayu murtad³⁶ serta sanggup memberikan khidmat guaman untuk mempertahankan hak ini.

perlu bergantung kepada pendekatan baru seperti mana di kemukakan oleh dunia Barat.

Analisis Wasatiyyah

Terdapat beberapa kelemahan yang dipegang oleh golongan liberalis melampau ini, antaranya;

- 1) Terpengaruh sepenuhnya dengan tamadun barat sehingga sanggup berpegang kepada world-view sekularisme (aspek ontologi, epistemologi dan aksiologi) yang bersifat anti agama.
- 2) Tidak mendokong usaha dan semangat asas yang ditekan oleh disiplin dialog peradaban,³⁵ tetapi lebih bersifat meniru semua elemen yang wujud dalam masyarakat barat. Ringkasnya, mereka tidak mengamalkan sikap selektif dengan apa-apa idealism yang dibawa oleh pihak barat.
- 3) Tidak mempedulikan soal latar belakang sejarah social di dalam tuntutan mewujudkan idealism liberalism di dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Mereka berusaha keras mendokong agenda liberalisme (kebebasan dan hak asasi manusia) dalam setiap perlakuan dan pemikiran manusia. Dalam soal ini, pelbagai syiar dan autoriti Islam dipersoalkan, kerana kesemua autoriti Islam ini dilihat bertanggungjawab menghalang agenda liberalisme ini. Sebagai contohnya, terdapat NGO Islam di Malaysia yang bergiat cergas menimbulkan beberapa isu;
 - Tuntutan IFC (*Inter Faith Council*) agar pihak kerajaan menyamatarafkan semua pemeluk agama di Malaysia tanpa mengiranya Islam ataupun bukan Islam.
 - Isu yang mencabar dominasi dan keistimewaan hak bumiputera Melayu-Islam – kononnya bertentangan dengan nisbah persamaan hak asasi semua warganegara bukan Islam di Malaysia. Isu yang mencabar konsep jati diri (*malayness*) Melayu yang sinonim dengan pengikut Islam. Sebaliknya isu jati diri Melayu cuba ditolak dengan cara bertolak ansur dan mendokong peluang untuk seseorang Melayu murtad³⁶ serta sanggup memberikan khidmat guaman untuk mempertahankan hak ini.

- Nisbah sifat tolenrasi dan kesudian manusia Melayu menerima bersama golongan bukan Melayu untuk tinggal menetap di Tanah Melayu. Sehubungan dengan itu, bagi Ahmad Jelani Halimi³⁹, manusia Melayu mampu membina tamadun Alam Melayu yang berdasarkan kepada perdagangan yang mengamalkan pendekatan mesra dan adil dengan penganut bukan Islam adalah berpunca daripada pengamalan syariah Islam itu sendiri. Fakta sejarah ini perlu difahami secara mendalam oleh penganut bukan Islam, yang diharapkan akan membentuk sifat tolak ansur yang tinggi.
- 5) Mengidap penyakit *jiwa hamba* dan *mentaliti watak tertawan*. Penyakit jiwa hamba ini bertepatan dengan pandangan Ibn Khaldun yang menyatakan sesuatu bangsa yang pernah dijajah akan menganggap kuasa bekas penjajah mereka sebagai suatu bangsa yang maju dan agung, yang patut ditiru oleh bangsa yang pernah dijajah.⁴⁰ Manakala *mentaliti watak tertawan* pula, bagi Syed Hussein al-Attas merujuk kepada sikap yang terlalu pro nilai-nilai barat yang dipegang sesetengah kalangan masyarakat di Malaysia. Lebih khusus lagi, ianya merujuk kepada;⁴¹
- sikap yang suka meniru secara tidak rasional terhadap semua nilai daripada barat.
 - Tidak mampu menimbulkan idea ataupun pendekatan baru bagi menanggani persoalan hidup, sebaliknya lebih suka meneruskan warisan tinggalan penjajah.
 - Mendapat pendidikan langsung daripada institusi pendidikan barat dan sering taasub dengan teori dan bahan bacaan daripada barat.
 - tidak mengamalkan sikap kritikal dan tidak membantah apa-apa yang disajikan kepada mereka daripada sumber barat.
 - Tidak menyedari kelemahan sikap tertawan mereka.

2. Golongan Konservativisme Dan Fundamentalis Melampau

Jika dilakukan sorotan sejarah, kita dapat mengesan beberapa kumpulan khusus yang menggunakan pendekatan konservativisme melampau (ifrat) yang mana benihnya masih tetap dipegang kukuh sehingga pada masa sekarang, sebagai akibat kegagalan mereka memahami world-view Islam sejati yang berteraskan prinsip Wasatiyyah.

Contohnya golongan Khawarij merupakan pelampau agama yang paling awal sekali dalam sejarah tamadun Islam, yang dikatakan sebagai golongan pertama yang meletakkan benih elemen melampau kepada penganut Islam di zaman terkemudian. Bagi sarjana barat, golongan ini diagung-agungkan sebagai golongan awal yang memperjuangkan kebebasan berfikir (Demokrasi) kepada masyarakat Islam. Pandangan ini agak keterlaluan sekali, memandangkan golongan Khawarij bertanggungjawab sepenuhnya dengan pembunuhan beberapa orang tokoh sahabat besar Rasulullah.

Antara pandangan melampau yang dipegang oleh golongan Khawarij ini;

- 1) Pemahaman agama Islam yang terdapat dalam Quran dan sunnah perlu dibuat secara literal semata-mata, serta ianya harus diamalkan sepenuhnya.
- 2) Pandangan mereka sahaja yang paling betul dan sesiapa yang bertentangan pendapat dengan mereka akan diisyiharkan sebagai kafir dan halal darahnya. Bahkan lebih teruk lagi, semua anggota keluarga golongan yang berbeza pendapat dengan mereka halal darah mereka, termasuklah kaum perempuan dan kanak-kanak.
- 3) Kawasan yang menjadi tempat tinggal mereka akan dianggap sebagai Dar Islam, sedangkan daerah Islam yang lain adalah Dar al-Kufr yang wajib diperangi. Seluruh penduduk daerah Dar al-Kufr ini adalah bertaraf musyrik, tidak kira samada dewasa ataupun kanak-kanak.
- 4) Sesiapa yang melakukan dosa besar ataupun kecil secara berterusan akan menjadi kafir secara mutlak dan seandainya mati ianya akan kekal di dalam neraka.

Benih awal paradigma konservatisme melampau yang diletakkan oleh golongan Khawarij kemudiannya telah diteruskan ataupun dihidupkan kembali oleh sesetengah kumpulan Islam di zaman moden ini. Apa yang malangnya, golongan ini sering mengaitkan perjuangan mereka dengan amalan golongan salaf yang awal, sedangkan jika dilakukan perbandingan di antara paradigma pemikiran yang dipegang oleh mereka dengan paradigma salaf, ternyata paradigma mereka bersifat melampau dan menyalahi prinsip Wasatiyyah yang sebenarnya.

Bahkan sebaliknya paradigma yang dibawa lebih menyerupai paradigma yang diamalkan oleh golongan Khawarij.

Bagi golongan konsertavisme-tradisionalisme, mereka menganggap umat Islam perlu dan wajib berpegang sepenuhnya kepada paradigma silam di dalam menjalani kehidupan moden. Tidak kira dalam zaman dan waktu apa sekalipun umat Islam perlu menjadikan amalan hidup golongan Salaf sebagai model ikutan dan patut memusuhi semua bentuk elemen pemodenan yang kebanyakannya bersifat merosakkan kehidupan umat Islam. Hal yang sama dipegang golongan Fundamentalis melampau yang memang kuat berpegang dengan ajaran agama secara total tetapi mengutamakan pendekatan melampau dalam bentuk gerakan kekerasan terhadap pihak yang berbeza pendapat dengan mereka, samada dari golongan bukan Islam ataupun sesame Islam sendiri. Rata-ratanya sebab utama pendekatan eksklusif (*penyakit self truth claim*) ini dipegang oleh mereka kerana faktur konstektual yang mempengaruhi sifat golongan ini timbul. Faktor konstektual ini antara lainnya merujuk kepada suasana iklim keterlaluan (terlalu panas dan sejuk) di dalam kes Khawarij dan jabariah. Begitu juga halnya, dengan suasana pemerintah umat Islam yang amat zalim dan menjalankan pemerintah kuku besi dengan mendapat sokongan kuasa barat telah melahirkan golongan fundamentalis melampau yang cenderung menggunakan kaedah kekerasan.⁴²

Walaupun mereka sering mendakwa berpegang kepada ajaran golongan salaf dan gerakan Revivalis Islam, tetapi ternyata ianya amat berbeza sama sekali, kerana pendekatan yang dibawa oleh golongan fundamentalis moden ini penuh dengan elemen kekerasan yang melampau. Dalam pelbagai kes semasa, golongan ini dilihat terlibat secara langsung dalam pelbagai aktiviti keganasan yang menumpukan sasarannya kepada kepentingan dan masyarakat awam barat, seperti tragedy kes September 11, pengeboman Bali, Madrid, London, Kedutaan Amerika di Indonesia,⁴³ Tanzania dan sebagainya. Antara paradigma yang dipegang oleh golongan ini,⁴⁴

- 1) Dipengaruhi dengan semangat dan mentality perang Salib dan Neokolonialisme barat, khususnya terhadap kuasa barat dan zionisme, yang wajib digunakan kaedah kekerasan untuk menanganinya. Lebih buruk lagi, hal ini turut diperpanjangkan dengan faktur perbezaan mazhab dalam Islam, seperti kes perbezaan antara dua mazhab terbesar dalam Islam, Sunni dan Syiah – Kes *Kumpulan al-Qaedah* di bawah pimpinan Abu Mus’ab al-Zarkawi di Iraq.

- 2) Pembentukan sebuah pemerintahan Islam bukan sekadar suatu alternatif, tetapi suatu kewajiban Syar'i berdasarkan perintah dan kehendak Allah. Kerana itu setiap penganut Islam harus patuh dengan mematuhi kehendak Allah ini, khususnya pemerintahannya yang dijalankan oleh golongan ini – Kes pemerintahan *Taliban* di Afghanistan.
- 3) Memandangkan legitimasi pemerintah Islam didasarkan kepada syariah Allah, maka pemerintah yang tidak mematuhi syariah adalah tidak sah. Mana-mana pemerintah dan individu Islam yang tidak mematuhi syariah Alah akan dianggap bersalah dan kafir yang diperangi menggunakan konsep Jihad – Kes pembunuhan Anwar Sadat oleh pengikut kumpulan *Takfir wa al-Hijrah*
- 4) Program penentangan terhadap pemerintah Islam yang engkar perlu diperluaskan untuk memerangi ulamak rasmi berserta dengan semua pasarananya (seperti masjid dan sekolah) yang dilihat bergabung dengan pihak pemerintah- Kes *Jemaah Islamiyyah* dan *Front Pembela Islam* di Indonesia.
- 5) Jihad melawan kekafiran dan golongan yang bersimpati dengannya adalah dianggap sebagai tugas suci. Oleh sebab itu memerangi golongan ini diwajibkan ke atas semua Mukmin sejati, yang perlu juga diperluaskan kepada semua golongan awam dan kepentingan mereka. Seperti mana golongan Khawarij, golongan ini menuntut komitmen kesetiaan dan ketataan yang total. Bagi mereka, seseorang itu dilihat dari segi status keagamaannya, hanya berada dalam dua keadaan semata-mata; samada Islam ataupun kafir.
- 6) Golongan Kristian dan Yahudi dianggap sebagai kafir, dan bukannya sebagai Ahli Kitab kerana hubungan mereka dengan kuasa kolonialisme barat dan Zionisme. Mereka dipandang sebagai rakan rapat dalam sebuah konspirasi Yahudi-Kristian melawan Islam dan dunia Islam.
- 7) Generasi muda Islam digalakkan untuk terlibat di dalam memerangi golongan kafir sebagai anti tesi kepada golongan Islam, yang dikatakan bakal memperoleh status mati syahid seandainya sanggup mengorbankan dirinya dalam pengeboman berani mati.

Dari kesemua paparan di atas, kita boleh menegaskan bahawa kedua-dua golongan ini secara pasti akan menentang keras sebarang usaha dialog dengan dunia bukan Islam, khususnya dunia barat, kerana ianya telah dianggap sebagai musuh utama yang wajib diperangi.

Analisis Wasatiyyah

Kita boleh mengesahkan beberapa kelemahan dan elemen melampau yang dimiliki oleh golongan ini, antaranya;

- 1) Tindakan melampau seperti menggunakan kaedah kekerasan bertentangan sama sekali dengan prinsip wasatiyyah Islam. Kita dapat mengenalpasti beberapa bentuk aktiviti keagamaan yang melampau yang cuba dikaitkan dengan ajaran Islam. Hal ini amat malang sekali kerana ianya dilakukan sendiri oleh penganut yang kurang memahami konsep wasatiyyah secara mendalam. Secara tegas, Islam amat menentang keras amalan melampau ini, berasaskan kepada beberapa dalil;
 - Allah memerintahkan penganut Islam agar sentiasa memohon agar ditunjukkan jalan yang lurus, seperti ditegaskan dalam surah al-Fatihah, yang menolak sikap melampau yang dilakukan oleh bangsa Yahudi dan Nasrani.
 - Islam menerangkan akibat buruk dari sifat melampau, yang dijelaskan sesiapa yang melampaui batas akan tergolong dalam golongan yang zalim yang pasti akan mendapat pembalasan dari Allah.
 - Islam juga menentang keras tindakan yang mengambil ringan dan mencuaikan perintah agama dan menyulitkan urusan agama.
 - Namun begitu, ini bukanlah bermakna prinsip wasatiyyah mengajar umat Islam supaya menjadi dayus, penakut dan pasif dalam menghadapi segala bentuk penindasan yang dilakukan oleh musuh Islam. Konsep Jihad Islam perlu difahami secara wasatiyyah, dengan langkah mempertahankan diri berhadapan dengan musuh, tetapi perlu mematuhi pelbagai syarat yang agak ketat, seperti tidak boleh merosakkan alam sekitar dan menyakiti orang awam yang tidak berdosa.
- 2) Mengamalkan sifat anti melulu kepada tamadun asing. Sepatutnya umat Islam perlu terbuka dan sanggup belajar daripada tamadun

asing, seperti tamadun barat dan seterusnya mengambil apa-apa kebaikan secara selektif. Pendekatan ini dipilih memandangkan ianya bersesuaian dengan tradisi keilmuan yang telah diamalkan oleh ulamak silam. Dalam sejarah tradisi keilmuan Islam, kita dapat melihat bagaimana kebanyakan sarjana Islam telah memberi respon yang positif terhadap karya bukan Islam dengan mengkaji pendapat mereka serta secara teratur telah mengemuka dan menjawab kelemahan pendapat mereka.⁴⁵ Bagi Wan Mohd. Nor Wan Daud, apabila meneliti tentang sikap yang terlalu negatif terhadap genre orientalism, telah menegaskan bahawa terdapat sejumlah besar dari sarjana Islam sendiri yang telah dijangkiti penyakit westophobia, sikap takut dan benci yang tidak rasional terhadap barat. Pada dasarnya, penyakit ini adalah serpihan daripada penyakit akal, *xenophobia* yang menyebabkan penghidapnya sentiasa takut kepada unsur-unsur luar.⁴⁶

- 3) Memang terdapat beberapa tren positif di barat yang patut ditiru oleh umat Islam dengan syarat ianya tidak bertentangan dengan world-view asas Islam. Antara lain tren positif ini;
 - menekankan pemusatan kepada manusia yang terpimpin bersesuaian dengan lunas-lunas Islam (bertentangan dengan pendekatan barat yang meletakkan manusia dan nafsunya sebagai pusat segala perkara).
 - Menekankan pembentukan manusia yang berdasarkan kerangka etos Islam yang memiliki tanggungjawab dan jujur di dalam hubungan dengan manusia dan alam.
 - Mengalakkan penyertaan masyarakat samada golongan majority ataupun minority di dalam perjalanan sesuatu institusi kerajaan.
 - menunda kesenangan jangka pendek untuk kesenangan jangka panjang
 - memanfaatkan waktu dan etos kerja yang cemerlang
 - yakin dengan keadilan dapat disebarluaskan kepada manusia
 - Menekankan pengamalan budaya ilmu sebagai kaedah untuk melahirkan kreativiti akal yang tinggi.
 - menyanjung tinggi bakat dan kemampuan serta penghargaan diberikan berdasarkan prestasi dan bukannya berdasarkan kepada paradigma feudalisme.⁴⁷

asing, seperti tamadun barat dan seterusnya mengambil apa-apa kebaikan secara selektif. Pendekatan ini dipilih memandangkan ianya bersesuaian dengan tradisi keilmuan yang telah diamalkan oleh ulamak silam. Dalam sejarah tradisi keilmuan Islam, kita dapat melihat bagaimana kebanyakan sarjana Islam telah memberi respon yang positif terhadap karya bukan Islam dengan mengkaji pendapat mereka serta secara teratur telah mengemuka dan menjawab kelemahan pendapat mereka.⁴⁵ Bagi Wan Mohd. Nor Wan Daud, apabila meneliti tentang sikap yang terlalu negatif terhadap genre orientalism, telah menegaskan bahawa terdapat sejumlah besar dari sarjana Islam sendiri yang telah dijangkiti penyakit westophobia, sikap takut dan benci yang tidak rasional terhadap barat. Pada dasarnya, penyakit ini adalah serpihan daripada penyakit akal, *xenophobia* yang menyebabkan penghidapnya sentiasa takut kepada unsur-unsur luar.⁴⁶

- 3) Memang terdapat beberapa tren positif di barat yang patut ditiru oleh umat Islam dengan syarat ianya tidak bertentangan dengan world-view atasas Islam. Antara lain tren positif ini;
 - menekankan pemusatan kepada manusia yang terpimpin bersesuaian dengan lunas-lunas Islam (bertentangan dengan pendekatan barat yang meletakkan manusia dan nafsunya sebagai pusat segala perkara).
 - Menekankan pembentukan manusia yang berdasarkan kerangka etos Islam yang memiliki tanggungjawab dan jujur di dalam hubungan dengan manusia dan alam.
 - Mengalakkan penyertaan masyarakat samada golongan majority ataupun minority di dalam perjalanan sesuatu institusi kerajaan.
 - menunda kesenangan jangka pendek untuk kesenangan jangka panjang
 - memanfaatkan waktu dan etos kerja yang cemerlang
 - yakin dengan keadilan dapat disebarluaskan kepada manusia
 - Menekankan pengamalan budaya ilmu sebagai kaedah untuk melahirkan kreativiti akal yang tinggi.
 - menyanjung tinggi bakat dan kemampuan serta penghargaan diberikan berdasarkan prestasi dan bukannya berdasarkan kepada paradigma feudalisme.⁴⁷

- 4) Paradigma yang menisahkan dunia barat secara mutlak sebagai pusat kekuasaan gelap yang anti Islam⁴⁸ ataupun sebagai diabolisme (pengikut tabiat Syaitan)⁴⁹ amat tidak boleh diterima oleh akal yang sihat. Lihat sebagai contohnya tokoh-tokoh gerakan Islam yang terkenal yang mengakui nisbah kebaikan yang dimiliki oleh masyarakat dan kerajaan barat itu sendiri. Sejarah mencatatkan bagaimana ramai daripada tokoh gerakan Islam yang ditindas oleh pemerintah negara umat Islam telah berhijrah ke negara barat yang kemudiannya bertanggungjawab memperkembangkan semangat kebangkitan semula Islam di daerah baru yang amat kondusif (Civil society) yang mampu memberi ruang kepada mereka untuk memperkembangkan kebebasan intelektual.⁵⁰
- 5) Memang terdapat beberapa kesedaran pihak barat untuk melakukan proses review terhadap dominasi fahaman sekularisme. Paradigma ini yang dikenali sebagai fahaman pasca kolonialisme - bentuk kesedaran baru yang muncul di zaman moden;
 - kesedaran tentang kegagalan sistem pemikiran barat yang berteraskan fahaman sekularisme dari segenap segi di dalam menghasilkan bentuk kehidupan yang bahagia kepada umat manusia⁵¹.
 - kesedaran tentang peri penting semua agama besar di dunia bersatu untuk menanggani hegemoni fahaman sekularisme bentuk baru yang dibawakan oleh fenomena globalisasi.⁵²
 - kesedaran ilmiah yang bersifat global yang mempersoalkan kesemua konsep ilmu dan kerangka pemodenan barat silam, khususnya pendekatan yang terlalu menekankan subjek sains moden dan menafikan peranan subjek bidang kemasyarakatan. Seandainya Modernism tajaan barat menekankan prinsip pemisahan (differentiation) dan pemandirian (autonomization) semua aspek kehidupan daripada agama, gerakan post-modernism yang kecewa dengan modernism silam cuba untuk memterbalikkan hal ini dengan menerapkan prinsip dedifferentiation (rujuk kembali) kepada agama.⁵³ Gerakan ini lebih menumpukan perhatian untuk menyepakukan kesemua bidang ilmu yang diperlukan oleh umat manusia moden.⁵⁴
 - Kesedaran tentang salahnya pandangan yang menisahkan paradigma keilmuan barat, khususnya S&T sebagai bermanfaat, penuh dengan nilai kemanusiaan dan *value free*

- 4) Paradigma yang menisahkan dunia barat secara mutlak sebagai pusat kekuasaan gelap yang anti Islam⁴⁸ ataupun sebagai diabolisme (pengikut tabiat Syaitan)⁴⁹ amat tidak boleh diterima oleh akal yang sihat. Lihat sebagai contohnya tokoh-tokoh gerakan Islam yang terkenal yang mengakui nisbah kebaikan yang dimiliki oleh masyarakat dan kerajaan barat itu sendiri. Sejarah mencatatkan bagaimana ramai daripada tokoh gerakan Islam yang ditindas oleh pemerintah negara umat Islam telah berhijrah ke negara barat yang kemudiannya bertanggungjawab memperkembangkan semangat kebangkitan semula Islam di daerah baru yang amat kondusif (Civil society) yang mampu memberi ruang kepada mereka untuk memperkembangkan kebebasan intelektual.⁵⁰
- 5) Memang terdapat beberapa kesedaran pihak barat untuk melakukan proses review terhadap dominasi fahaman sekularisme. Paradigma ini yang dikenali sebagai fahaman pasca kolonialisme - bentuk kesedaran baru yang muncul di zaman moden;
 - kesedaran tentang kegagalan sistem pemikiran barat yang berteraskan fahaman sekularisme dari segenap segi di dalam menghasilkan bentuk kehidupan yang bahagia kepada umat manusia⁵¹.
 - kesedaran tentang peri penting semua agama besar di dunia bersatu untuk menanggani hegemoni fahaman sekularisme bentuk baru yang dibawakan oleh fenomena globalisasi.⁵²
 - kesedaran ilmiah yang bersifat global yang mempersoalkan kesemua konsep ilmu dan kerangka pemodenan barat silam, khususnya pendekatan yang terlalu menekankan subjek sains moden dan menafikan peranan subjek bidang kemasyarakatan. Seandainya Modernism tajaan barat menekankan prinsip pemisahan (differentiation) dan pemandirian (autonomization) semua aspek kehidupan daripada agama, gerakan post-modernism yang kecewa dengan modernism silam cuba untuk memterbalikkan hal ini dengan menerapkan prinsip dedifferentiation (rujuk kembali) kepada agama.⁵³ Gerakan ini lebih menumpukan perhatian untuk menyepakukan kesemua bidang ilmu yang diperlukan oleh umat manusia moden.⁵⁴
 - Kesedaran tentang salahnya pandangan yang menisahkan paradigma keilmuan barat, khususnya S&T sebagai bermanfaat, penuh dengan nilai kemanusiaan dan *value free*

- (bebas daripada nilai dan kepentingan). Ianya ternyata tidak bersifat *value free* kerana dibina dan dibangunkan penuh dengan pelbagai kepentingan tertentu; seperti kepentingan ekonomi negara kuat⁵⁵ dan kepentingan ketenteraan kuasa nuclear barat.⁵⁶
- Kesedaran tentang kelemahan paradigma materialistik-Mekanisme - menganggap alam sebagai sumber utama yang berupa material-mekanis semata-mata dan tidak mempunyai nilai spiritual (nyawa) yang perlu bergantung kepada kuasa ketuhanan. Pandangan ini telah melahirkan sifat sekularis dan individualistic yang lebih menjurus kepada mementingkan kebajikan manusia berbanding dengan kebajikan alam sehingga menimbulkan pelbagai masalah ekologi dunia yang amat serius.⁵⁷ Alam dan segala isinya dianggap sebagai sumber utama yang bakal menambahkankekayaan manusia sekularis- yang perlu diperah hasilnya semaksimum mungkin.
 - Kesedaran tentang kelemahan sifat Racisme yang menunjangi konsep pembangunan barat klasik. Ianya menganggap bangsa Caucasian (Kulit putih) lebih tinggi kedudukannya dirujuk kepada ras dan kepandaian. Secara asasnya falsafah Euro-Centric ini berpunca daripada paradigma evolutionism ciptaan Charles Darwin yang menganggap tamadun barat sebagai lebih tinggi dan agung, berbanding dengan keadaan masyarakat timur.⁵⁸
 - Masyarakat barat dikesan telah cuba untuk memahami formula penyelesaian masalah yang terhasil daripada warisan budaya Melayu.⁵⁹ Dalam dialog akademia semasa, hal ini boleh dianggap sebagai sesuatu yang agak lumrah, seperti mana halnya pengkaji barat dewasa ini dilaporkan begitu tertarik dengan karya-karya sufi yang dihasilkan oleh sarjana Islam dari tradisi Parsi, Indo-Pakistan dan timur tengah.⁶⁰
- 6) Paradigma yang anti semua unsur daripada barat secara melampau ini bukan setakat bakal mengagalkan proses pembinaan disiplin dialog peradaban, bahkan ianya juga bakal menghalang pengamalannya yang telah dan sedang giat dijalankan secara meluas di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kita dapat merumuskan beberapa perkara penting. **Pertama**, ajaran Islam seperti mana dijelaskan oleh Ismail Faruqi mempunyai mekanisme tajdid dalaman (*build in tajdid mechanisme*) yang mampu dilakukan proses pembaikian dalaman seandainya kemunduran umat Islam timbul. Salah satu dari mekanisme yang dimaksudkan adalah konsep wasatiyyah. **Kedua**, prinsip wasatiyyah ini boleh digunakan sebagai alat utama untuk memahami, menghayati dan menganalisis semua perkara yang berkaitan dengan amalan keagamaan umat Islam. Pemakaian prinsip wasatiyyah ini perlu dipergunakan sepenuhnya dalam dunia akademik yang menuntut sifat kebolehpercayaan dan keseimbangan yang tinggi. **Ketiga**, memang terdapat elemen melampau (*ifrat*) yang diamalkan oleh penganut Islam dari kalangan liberalis dan konservatis-Fundamentalis, apabila menyentuh isu dialog peradaban dan kepentingannya dalam konteks dunia moden. Akibatnya, realiti melampau ini akan secara langsung mencemarkan status umat Islam sebagai umat terbaik yang patut dicontohi oleh penganut agama lain. Atas dasar itu, prinsip wasatiyyah ini perlu diperkasakan lagi pemakaianya di kalangan penganut Islam yang kemudiannya perlu disebar luaskan kepada masyarakat dunia yang lain.

Nota Hujung

- ¹ Mona Abdul-Fadl (1989), *Paradigms In Political Science Revisited*, Herndon: AMSS & IIIT.
- ² Lihat sebagai contohnya pendekatan ini yang digunakan oleh Mohammad Haji Yusuf (1993), “Hubungan Antara Kelompok: Rujukan Kepada “Sejarah Melayu”, dalam *Psikologi Melayu*, Kuala Lumpur, h.54-55.
- ³ Fazlur Rahman, (1979) *Islam*, Chicago: University of Chicago press, hlm 111.
- ⁴ Ghazali Darusalam (1998), *Dakwah Islam Dan Ideologi Barat* Kuala Lumpur : Utusan Publication, h. 30-39.
- ⁵ Rahimin Affandi Abd Rahim (2006), “Ilmu Dan Kepimpinan Islam”, dalam Nor Raudah Siren(ed.), *Dakwah Islam Semasa : Konsep Dan Pelaksanaan*, Kuala Lumpur: penerbit UM, h. 25-38
- ⁶ Roskang Jailani (2003), “ Hubungan Pendidikan Seni Dengan Konsep Tauhid“, dalam oleh Mohd. Radzi Othman(ed.), *Warisan Al-Quran: Aspek Sosiobudaya*, Pulau Pinang: Penerbit USM, h. 228-244

- ⁷ A.H. Hashimi (1981), "On Islamizing the disciplines of Psychology", dalam Ismail Faruqi (ed.), *Social And Natural Sciences: The Islamic Perspective*, Jeddah: King Abdul Aziz University, v. 1, bab 4, h 57-58.
- ⁸ Quran, surah 26: 21; 9: 56-57; 28: 21; 27: 10.
- ⁹ Ibid, surah 48: 29; 9: 123; 66: 9; 7: 150 dan 20: 92-94.
- ¹⁰ Ibid, surah 7: 188; 100: 8 dan 70: 19-27.
- ¹¹ Ibid, surah 13: 26 dan 10: 57-58.
- ¹² Ibid, surah 4: 19; 2: 216 dan 3: 118-120.
- ¹³ Ibid, surah 12: 3-9.
- ¹⁴ Ibid, surah 28: 79.
- ¹⁵ Ibid, surah 20: 40; 12: 84-86 dan 28: 13.
- ¹⁶ Ibid, surah 75: 1-2.
- ¹⁷ Ibid, surah 28: 25.
- ¹⁸ Ibid, surah 2: 114.
- ¹⁹ Ibid, surah 17: 37 dan 31: 18.
- ²⁰ Ibid, surah 63: 5 dan 45: 7-8.
- ²¹ Ilmu ini adalah bertujuan untuk mengajar manusia mendekatkan diri kepada Allah dengan mengawal elemen nafsu dan emosi di dalam diri manusia. Lihat H. Abuddin Nata (2001), *Perspektif Islam Tentang Hubungan Guru-Murid; Sudi Pemikiran Tasawuf Al-Ghazali*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h. 23-40.
- ²² Quran, surah 8: 2; 32: 16 dan 22: 1-2.
- ²³ Quran, surah 29: 64; 6: 32; 40: 39; 3: 169-170; 3: 157-158; 4: 74 dan 9: 111.
- ²⁴ Hashim Musa (2004), *Pemerksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur : Penerbit UM, h. 232.
- ²⁵ Rahimin Affandi Abd Rahim (1993), "The Conflict of the Sunni and Shi'i within the Muslim Society: An Analysis of the Ideological Content", dalam *Jurnal Manusia dan Masyarakat*, v. 8.
- ²⁶ Rahimin Affandi Abd Rahim (2006), "Islam hadhari sebagai wahana ilmu untuk kecemerlangan umat Islam di Malaysia", dalam *Risalah Khas Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan 1427 H*, Putrajaya: JAKIM, h. 1-41
- ²⁷ Rahimin Affandi Abd Rahim (2000), "Etika Penyelidikan Islam: suatu analisa", dalam *Jurnal Afskar*, v. 1, h. 177-196.
- ²⁸ Maklumat Lanjut boleh didapati dalam Che Cob Che Mat (1996), *Kriteria Penerimaan Dan Penolakan Hadith: Satu Kajian Perbandingan Antara Ahl Al-Sunnah Dan Shi'ah*, Tesis Untuk Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya, h. 482-535.
- ²⁹ Ibid, h. 642-657.
- ³⁰ Rahimin Affandi Abd Rahim (1993), "The Concept Of Ijma' In Islamic Law: A Comparative", dalam *The Journal of Hamdard Islamicus*, Pakistan, v. 16, h. 91-104.
- ³¹ Rahimin Affandi Abd Rahim (2002), "Epistemologi Hukum Islam: satu pengenalan", dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 15, 2002.

- ³² Rahimin Affandi Abd Rahim (2006), “Ulamak Dan Paradigma Menanggani Kebudayaan Melayu“, dalam Hashim Awang, Othman Yatim dan Nor Azita Che Din (ed.), *Wacana Budaya*, Kuala Lumpur : APMUM, h. 55-80
- ³³ Prof Dr Mastuhu, “Penelitian Agama Islam : Perspektif Antar Disiplin Ilmu: Tinjauan Disiplin Sosiologi“, Dalam *Tradisi Baru Penelitian Agama Islam: Tinjauan Antar-Disiplin Ilmu*, Bandung: Penerbit Nuansa, 1998, hlm 91-104
- ³⁴ Rahimin Affandi Abd Rahim (2006), “Islam Dan Dan Isu Penterjemahan Dalam Era Globalisasi“, dalam Hamedhi Mohd Adnan (ed.), *Penerbitan Malaysia-Indonesia: Mengukuhkan Jaringan Penerbitan Serantau*, Kuala Lumpur: Penerbit UM, 2006, h. 151-164
- ³⁵ Rahimin Affandi Abd Rahim (2005), “Islam dan dialog peradaban: Konsep dan Idealism“, dalam Prof. Azizan Baharuddin (ed.) *Islam Dan Dailog Peradaban*, Kuala Lumpur: Pusat Dailog Peradaban UM.
- ³⁶ Rahimin Affandi Abd Rahim (2006), “Islam dan perkembangan Emosi Melayu Selepas Merdeka: Satu Analisis“, dalam Hashim Musa (ed.), *Emosi Melayu*, Kuala Lumpur: APMUM, h. 405-425
- ³⁷ Ummu Atiyah Ahmad Zakuan (2007), “Hak Asasi Manusia Dan Demokrasi Dari Perseptif Islam Dan Barat“, Dalam Mohd Izani Mohd Zain (ed.), *Demokrasi Dan Dunia Islam: Perspektif Teori Dan Praktik*, Kuala Lumpur: Penerbit UM, h. 106-112
- ³⁸ Azizan baharuddin (2008), “Peranan Dialog Peradaban Dalam Wacana Tamadun Malaysia“, Dalam *Jurnal Peradaban*, v. 1, h. 25-40
- ³⁹ Ahmad Jelani Halimi (2006), *Perdagangan Dan Perkapalan Melayu Di Selat Melaka Abab Ke 15 Hingga Ke 18*, Kuala Lumpur: DBP.
- ⁴⁰ Saleh Faghizadeh (2004), *Sosiologi Sosiologi*, Terjemahan Oleh Mohd Fauzi Yaacob, Kuala Lumpur: ITNMB, h. 63-68
- ⁴¹ Syed Hussein al-Attas(2005), “Watak Tertawan Di Negara Membangun“, dalam Mohamad Daud Mohamad(ed.) *Pascakolonialisme Dalam Pemikiran Melayu*, Kuala lumpur: DBP, h. 2-7.
- ⁴² Rahimin Affandi Abd Rahim (2007), “Aliran Pemikiran Islam Moden : Satu Kajian Perbandingan“, dalam *Jurnal Manusia Dan Masyarakat*, v. 15, 2007, h. 69-88
- ⁴³ Amir Santoso (2007), “Radikalisme Dan Terorisme Di Indonesia“,Dalam (Edit) Mohd Izani Mohd Zain, *Demokrasi Dan Dunia Islam: Perspektif Teori Dan Praktik*, Kuala Lumpur: Penerbit UM, h. 323-338
- ⁴⁴ Haedar Nashir (2007), *Gerakan Islam Syariat: Reproduksi Salafafiyah Ideologis Di Indonesia*, Jakarta: PSAP, h. 167-168
- ⁴⁵ Muhammad Abdul Rauf(1995), *The Muslim mind: A study of the intellectual Muslim life during the classical era (101-700H)*, Kuala Lumpur: DBP, h. 84-88.
- ⁴⁶ Kata pengantar Wan Mohd Nor Wan Daud di dalam buku Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (1999), *Epistemologi Islam: Teori Ilmu Dalam Al-Quran*, Kuala Lumpur: DBP, h. Xv.

- ⁴⁷ Lihat H. Syahrin Harahap (1999), *Islam; Konsep Dan Implementasi Pemberdayaan*, Yogyakarta: PT Tiara Wacana Yogyakarta, h. 11-25.
- ⁴⁸ Lihat sebagai contohnya Adian Husaini (2005), *Wajah Peradaban Barat*, Jakarta: Gema Insani.
- ⁴⁹ Syamsuddin Arif (2008), *Orientalis Dan Dianolisme Pemikiran*, Jakarta : Gema Insan, h. 143-147.
- ⁵⁰ Rahimin Affandi Abd Rahim (2007), “Etika Kepimpinan Islam Dan Isu Pembangunan Di Malaysia: Satu Analisis“, dalam *Prosiding Seminar Kepimpinan Islam Peringkat Antarabangsa*, anjuran APIUM, pada 10-11 Julai 2007, h. 34-47
- ⁵¹ Muhammad Kamal Hasan (2001), *Intellectual Discourse At The End Of The Second Millennium: Concerns Of A Muslim-Malay CEO*, Kuala Lumpur: UIAM, h. 113-116.
- ⁵² Lihat Rahminah Muharam (2000), “Hubungan Islam dan Kristian dalam konteks dokumen Vatican 11“, dalam *Pemikir*, Oktober-Disember 2000, h. 202-212.
- ⁵³ Kuntowijoyo(2003), “Epistemologi dan paradigma ilmu-ilmu Humaniora dalam perspektif pemikiran Islam“, dalam Akh. Minhaji(ed.) *Menyatukan Kembali Ilmu-Ilmu Agama Dan Umum: Upaya Mempertemukan Epistemologi Islam Dan Umum*, Yogyakarta: Sunan Kalijaga press, h. 66-67.
- ⁵⁴ Lihat Abdul Rahman Embong (2000), “Wacana globalisasi“, dalam (edit oleh Noraini Othman dan Sumit Mandal, *Malaysia Menanggani Globalisasi: Peserta Atau Mangsa Bangi*: Penerbit UKM, h. 23-25.
- ⁵⁵ Mahathir Mohamad(2002), *Globalization And The New Realities*, Kuala Lumpur: Pelanduk publication, h. 21-23.
- ⁵⁶ Ali M. Mazrui (2002), “The Ethics Of War And The Rhetoric Of Politic: The West And The Rest“, dalam *Islamic Millenium*, v. 2, no. 2, January-March 2002, h. 1-10.
- ⁵⁷ Zaini Ujang(1989), “Tinjauan Terhadap Pendidikan Bersepadu: Suatu Sorotan Dalam Pengajaran Kejuruteraan Alam Sekitar”, dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 2, bil. 1, h. 39-42
- ⁵⁸ Edward Said (1981), *Covering Islam, How The Media And The Experts Determine Hows We See The Rest Of The World*, London, h. 39-40, 60 dan 62.
- ⁵⁹ Siddiq Fadhil (2005), “Jatidiri Dan Nilai-Nilai Budaya Dalam Pemikiran Melayu“, Dalam Edit Ahmad Mohamad Said *Pembangunan Watak Bangsa: Pemerksaan Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan*, Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, h. 40-42
- ⁶⁰ Osman Bakar (2003), “Globalisasi Dan Peradaban“, Dalam A. Aziz Deraman *Globalisasi Dalam Peradaban Di Malaysia*, Kuala Lumpur: DBP, h. 33-38.

BIODATA RINGKAS PENULIS

Abdul Manam bin Mohamad merupakan pensyarah kanan Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Darul Iman Malaysia, Kampus KUSZA. Bidang pengkhususan beliau ialah Usuluddin dan Tasawwuf. Beliau telah menjalankan beberapa kajian ilmiah khususnya dalam bidang tasawwuf dan rawatan alternatif. Beliau telah menghasilkan beberapa buah karya, bab dalam buku dan juga jurnal ilmiah. Beliau juga telah membentangkan kertas kerja di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Mohd Sukki Bin Othman merupakan Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Kesusteraan Arab pada tahun 1996 dari Yarmouk University, Jordan, dan Ijazah Sarjana Pengajian Islam (Pengajian Arab dan Tamadun Islam) dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2001. Sedang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Akademi Islam, Universiti Malaya.

Mohamad Kamil Bin Haji Abdul Majid adalah pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Dilahirkan di Kelantan Darul Naim. Mendapat pendidikan awal di Maahad Muhammadi pada 1967, seterusnya menyambung Yayasan Pelajaran Tinggi Islam, Nilam Puri dan menyambung di University Of Al-Azhar, Cairo diperingkat Ijazah sarjanamuda (BA,Hons) pada tahun 1975. Manakala Ijazah sarjana dalam bidang Pemikiran Islam di Universiti Malaya pada tahun 1985. Berpengalaman luas dalam bidang Sosiologi Islam, Teologi Islam dan Pemikiran Islam. Terlibat aktif dalam keanggotaan/keahlian professional sebagai Panel Pemikir Islam Hadhari, JAKIM. Antara pengalaman yang dimiliki adalah sebagai Penolong Pendaftar (HEP), YPTIK (1977-1980)/ Tutor UM (1981-1985), Pensyarah Fakulti Usuluddin UM (1986)/ Profesor Madya (Pemikiran Islam)(1993-sekarang), Timb. Dekan Fakulti Usuluddin (1987-1990)(1994-1995), Timb. Pengarah APIUM (1996-

2002), Anggota Majlis Syura, Majlis Agama Islam Kelantan (1990-1999). Banyak melakukan penulisan ilmiah dalam bentuk buku, jurnal akademik, prosiding seminar dan sebagainya. Antara penerbitan dalam bentuk buku adalah Tajdid; Perspektif Sejarah dan masa Kini, Penerbit Universiti Malaya, Islam Hadhari Wahana Ilmu Untuk Kecemerlangan Umat Di Malaysia, JAKIM dan banyak lagi. Selain itu, terdapat juga penulisan dalam beberapa jurnal akademik di IPTA, antaranya: Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki (1869-1956); Sumbangan Dato' Haji Muhammad Nor Bin Haji Ibrahim Kepada Bidang Tafsir, Fanatik dan Taksub Dalam Islam: Analisis Pandangan al-Qaradawi, Tasawwuf: Mencari Penyelsaian Dalam Polimik Berterusan Antara Pendokong dan Pengkritik, Perbezaan Pendapat: Adab dan Pengeksplotasiannya ke Arah Yang lebih Positif, Masyarakat Islam VS Masyarakat Jahiliah: Polimik Pemakaian Istilah Ke Atas Masyarakat Islam Masa Kini, Islam Hadhari dari Perspektif Pemikiran Islam, Fanatik Dan Taksub Kepada Guru, Lulusan Universiti Al-Azhar dan Impaknya Terhadap Perkembangan Sosial di Malaysia, Pemikiran Ibn Khaldun Mengenai Sifat dan Amalan Negatif yang Boleh Meruntuhkan Kepimpinan Islam, Islam Liberal Menurut Al-Quran Dan Sunnah serta Cabaran-Cabarhan Semasa Tamadun Islam”.

Rahimin Affandi Abdul Rahim adalah merupakan seorang Prof Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam. Dilahirkan di Kelantan Darul Naim. Memiliki Ijazah Sarjanamuda (B.A (Hons)) pada tahun 1987 di Universiti Malaya. Manakala Ijazah Sarjana (M.Phil) pada tahun 1991 di University of St. Andrews, Scotland seterusnya telah melanjutkan pengajian di University of Birmingham, England diperingkat Ph.D. Berpengalaman luas dalam bidang Metodologi Hukum Islam (Usul Al-Fiqh) dalam Pensejarahan Malaysia. Banyak melakukan penulisan ilmiah dalam bentuk buku, jurnal akademik, prosiding seminar dan sebagainya. Antara penerbitan dalam bentuk buku adalah Pemikiran Imam Al-Ghazali Dalam Bidang Fiqh Dan Usul Al-Fiqh: Kesinambungan Dan Pembaharuan Osman Bakar (ed.), Sumbangan keilmuan Imam Ghazali, 2009; Pendidikan Etika Kepimpinan Politik Islam Dan Isu Pembangunan Di Malaysia Nik Azis Nik Pa (ed.), Buku Penerbitan Fakulti Pendidikan UM, 2009. “Mendekati Pemikiran Islam Za’ba: Analisis Dari Perseptif Pemikiran Islam Semasa“, Mustapa Kassim (ed.), Pemikiran Melayu; ketokohan Za’ba, UUM: Institut Pemikiran Dr Mahathir, 2009. Sumbangan Institusi Pengajian Melayu Dan Islam Ke Arah Pelestarian Pembangunan

Warisan Budaya Melayu, Pengajian Islam Dan Isu-Isu Kontemporari (2009). Selain itu, terdapat juga penulisan dalam beberapa jurnal akademik di IPTA, antaranya: Pembaharuan IPTA Islam Di Malaysia: Satu Analisis Terhadap Teori Dan Cabaran, Jurnal Masalah Pendidikan, v. 31, 2008; Kemahiran Insaniah Di IPTA Islam Malaysia Dan Indonesia: Satu Analisis Perbandingan, Jurnal JATI, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti sastera, UM, V. 14, 2009; Paradigma Wasatiyyah Dan Dailog Peradaban: Satu Analisis, Jurnal Peradaban, Pusat Dailog peradaban UM, v. 2, 2009; Jalinan Institusi Pendidikan Tinggi Islam Di Malaysia Dan Indonesia: Satu Analisis Teoritikal, Jurnal Turas, Fakulti Adab, UIN Jakarta, v. 14, 2009; Warisan Karya Ulama Melayu _ Islam Dan Kaitannya Dengan Pengajian Moral Di Zaman Moden, Jurnal Usuluddin, v. 27, 2008, "Filem Malaysia: Antara Patriotisme dan Liberalisme, dalam Jurnal Pengajian Media Malaysia, J.11, Bil 1, 2009; Ijtihad Dalam Institusi Fatwa Di Malaysia : Satu Analisis, , Jurnal Syariah, v. 17, 2009; Pembangunan Sains Dan Teknologi Di IPTA Islam Di Malaysia: Satu Analisis Sejarah, Jurnal ESTEEM, v. 5, no 2, 2009; "Pemikiran Teologi Wanita Islam Di Malaysia: Satu Analisa Dekonstruksi", Jurnal perspektif, UPSI, bil. 2, 2009; Jalinan Institusi Pendidikan Tinggi Islam Di Malaysia Dan Indonesia Dan Kaitannya Dengan Pemerksaan Pemikiran Islam Lestari, Jurnal Indo-Islamika, 2009. Banyak juga pengaktifkan diri dalam mengikuti seminar diperingkat antarabangsa yang telah dianjurkan di IPTA Malaysia.

Shaharir B.M.Z. Shaharil M. Zin mendapat pendidikan dalam Bahasa Melayu sepenuhnya: SPM (Sastera), Tingkatan Enam (Sains, bayaan pertama aliran Melayu) sehingga lulus Persediaan Masuk Universiti Malaya 1967 (belum ada STPM); beroleh juga GCE (Cambridge). Mendapat biasiswa Rancangan Kolombo (percubaan untuk aliran Melayu) untuk pelajar Negara Mundur belajar di Negara Komanwel/ Persemakmuran – bidang Matematik di Autralia. Biasiswa dilanjutkan hingga beroleh Ph.D 1974. Menjadi Pensyarah di UKM 1974, 1983-2004, Profesor Matematik Fizik UKM dan 1988-1994 sebagai Timbalan Naib Canselor, UKM. Dilantik sebagai Felo / Sarjana beberapa buah persatuan/institusi di dalam & di luar Negara seperti Felo Akademi Sains Malaysia (1996), *Fellow of the Institute Mathematics and Its Applications*, UK (1990) dan *Fulbright Scholar* (US) (1985/86). Menghasilkan ilmu dalam kebudayaan sendiri dan memberi sumbangan menjadikan BM sebagai bahasa ilmu, khususnya dalam bidang sains

matematik. Dilantik sebagai Profesor Jabatan Matematik UMT (hingga Mei 2008) Kini Prof. Shahril menjadi Karyawan Bebas sehingga kini berhasil 8 buah makalah setahun dalam bidang Fizik Matematik, Sains Pengurusan & Kewangan, Sejarah & Falsafah Sains Matematik, Pemeribuman dan PengIslamam Sains Matematik, Pendidikan Matematik, Rekayasa & Wacana Bahasa Melayu, Lebih 20 buah buku teks dan umum (Bahasa Melayu), 6 buah buku terjemahan karya besar dalam sejarah dan falsafah sains dan beberapa buah pungutan istilah/kamus istilah tajaan *Australian Board of Education*, DBP, UKM dan PERSAMA. Buku beliau yang terbaru ialah terbitan UMT, *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Alam Melayu (2008)*. Buku terjemahan dalam percetakan UKM *Matematik sebagai Satu Budaya* dan Buku karya asli dalam percetakan ASASI, *Kritikan terhadap Teori Kenisbian dan Teori Quantum*. Penyelidikan kini Prof Shahril ialah sains matematik rumpun Melayu: telah dan lani

Suhaila Abdullah merupakan Pensyarah di Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Kesusastraan Arab dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, pada tahun 1997, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban dari Universiti Malaya pada tahun 2000 dan Ijazah Doktor Falsafah Pengajian Islam dari Universiti Malaya pada tahun 2006.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Darul Iman Malaysia, Kuala Terengganu. Bidang Kepakarannya ialah akidah, pemikiran Islam, perbandingan agama dan kajian ajaran salah. Beliau adalah Prof. Madya di Jabatan Usuluddin di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam UDM dan aktif menghasilkan penerbitan ilmiah seperti artikel jurnal, buku ilmiah dan juga artikel dalam media arus perdana.

PANDUAN PENULISAN ARTIKEL / ULASAN BUKU

1. Artikel ulasan mestilah memberi gambaran umum tentang isi keseluruhan buku tersebut dengan memberi penekanan terhadap perkara-perkara penting yang dibahas.
2. Artikel ulasan merupakan ulasan yang menilai kandungan keintelektualan buku yang berkenaan. Ulasan seharusnya dapat membantu dalam menjelas dan memantapkan idea/hujah yang disarankan.
3. Pengulas hendaklah mencatatkan halaman yang dirujuk apabila memberi komentar. Ini akan memudahkan pembaca / penerbit / pengarang membuat mendapatkan maklumat yang dirujuk.
4. Pengulas hendaklah saksama apabila memberi penilaian keseluruhan: kekuatan dan kelemahan buku yang diulas perlu diberikan.